



## HEBAHAN JAWATAN KOSONG

Kami ingin mempelawa permohonan daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan pelantikan secara kontrak sebagaimana yang berikut:

### MAKLUMAT JAWATAN

Nama Perjawatan : **KETUA SEKSYEN PENTADBIRAN KESETIAUSAHAAN**  
Status Tawaran : Kontrak (2 tahun)

### DESKRIPSI TUGAS

1. Memberi khidmat kesetiausahaan dalaman dalam mengurus dan mentadbir amalan kesetiausahaan dan keperluan kesetiausahaan korporat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.
2. Membantu dalam penyelarasan dan pengendalian mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah dan Jawatankuasa Lembaga.
3. Memastikan komunikasi dan penyelarasan yang berkesan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Lembaga dan ahli-ahlinya.
4. Menyediakan atau memastikan penyediaan minit mesyuarat dan resolusi pekeliling yang berkaitan dengan mesyuarat yang ditetapkan.
5. Membantu penyediaan mesyuarat dan selepas mesyuarat, mesyuarat agung dan mesyuarat pengurusan dalaman, apabila perlu.
6. Menyediakan kertas mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah mengenai tadbir urus korporat dan hal-hal kesetiausahaan.
7. Menasihati Lembaga Pemegang Amanah dan Pengurusan mengenai hal-hal tadbir urus korporat.
8. Mengendalikan hal-hal kesetiausahaan bagi pelbagai bidang kuasa termasuk agensi dan anak syarikat sekiranya diminta.
9. Memastikan pematuhan kepada peruntukan enakmen korporat, pelaporan/pemfailan berkanun dan tadbir urus korporat.
10. Memastikan dokumen dan fail dinamakan, disimpan dan diselenggara dengan betul.
11. Menyelia pegawai bawahan di bawah Seksyen Pentadbiran Kesetiausahaan bagi memastikan kerja-kerja dijalankan dengan baik dan cekap mengikut garis masa yang telah ditetapkan.
12. Melapor terus kepada ketua Divisyen Undang-undang dan Kesetiausahaan bagi urusan dibawah Seksyen Pentadbiran Kesetiausahaan.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Lulus Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pentadbiran Awam/Perniagaan, Perakaunan, Pengajian Polisi, Pengurusan Perniagaan, Undang-Undang atau kelayakan yang setaraf dengannya.
2. Sijil profesional kesetiausahaan dan keahlian diberi keutamaan.
3. Berpengalaman minima 7 tahun dalam bidang yang berkaitan.
4. Pengalaman minima 3 tahun yang terakhir sebagai Pengurus dalam bidang yang sama, adalah satu kelebihan.
5. Kemahiran pentadbiran dan kemampuan menggunakan perisian teknologi maklumat.
6. Pengetahuan umum tentang undang-undang syarikat dan Akta berkaitan serta pengalaman menguruskan hal-hal berkaitan LPA atau Lembaga Pengarah.
7. Peka dengan urusan protokol dan pengurusan pemegang taruh (stakeholder management)
8. Pengurusan masa yang baik, mampu bekerja mengikut garis masa yang ditetapkan dan berorientasikan hasil.
9. Berfikiran strategik dalam penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal yang baik, memiliki tahap akauntabiliti, etika dan integriti yang tinggi.
10. Boleh bekerja secara sendiri dan berkumpulan.
11. Warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

## CARA PERMOHONAN

1. Sila kemukakan salinan resume, kad pengenalan, sijil akademik dan transkrip serta sijil-sijil lain yang berkaitan melalui e-mel ke [psy@yapeim.my](mailto:psy@yapeim.my).
2. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.
3. Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga.
4. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan dibuat, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Tarikh tutup permohonan ialah pada 31 Disember 2024.